

Telefon : 07-2513311/2511166  
 Faksimili : 07-2520528  
 Laman Web : pkpkpg@tm.net.my



DIKTIKRAF MS ISO 9001:2008  
 Pengurusan Khidmat Sokongan Koporat Bagi Pelepasan  
 Barangan Import/Eksport Dari Kawalan Kastam Dan Gudang  
 Berlesen MelaLui Mode Darat, Perkhidmatan Kawalan Ke Atas  
 Kemudahan Perindustrian Dan Perkhidmatan Kawalan Ke Atas  
 Pelupusan Kenderaan Lucuthak Kastam

Ruj Tuan :  
 Ruj. Kami : KEJG(80)664/02-KAWALAN(79)  
 Tarikh : 23 MEI 2013

Senarai Edaran Seperti di Lampiran

Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN E-MANIFEST (Live Run) DI PELABUHAN TG. LANGSAT, PASIR GUDANG, JOHOR PADA 30 MEI 2013**

Adalah saya dengan hormatnya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. AJK Pelaksana e-Manifest yang bermesyuarat pada 22 Mei 2013 telah menetapkan bahawa penggunaan e-manifest akan dilaksanakan secara sepenuhnya pada 30 Mei 2013. Ketetapan penggunaan sistem tersebut yang sepatutnya di jadualkan bermula pada 25 Mei 2013 terpaksa ditunda berikutan jumlah agen perkapalan yang mendaftar untuk menggunakan sistem ini masih tidak memuaskan.

3. Oleh itu, saya memohon pihak agensi perkapalan yang berurusan di Pelabuhan Tg. Langsat supaya mendaftar agensi tuan/puan di Dagang Net Sdn Bhd dengan segera bagi memudahkan proses pengikraran manifes K4, K5 dan K6 secara elektronik.

4. Jadual di bawah menunjukkan pelan tindakan yang perlu diambil oleh semua pihak yang terlibat:


Tarikh	Perkara	Tindakan
23 Mei – 29 Mei 2013	Pendaftaran agen perkapalan dalam Sistem e-Manifest	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pendaftaran dibuat di pejabat vendor (Dagang Net Technologies Sdn Bhd)</li> </ul>
30 Mei 2013 dan berikutnya	Pengikraran Manifes K4, K5, K6 secara elektronik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pejabat Kastam tidak akan menerima ikrar manifes secara manual selepas tarikh ini</li> <li>Salinan "Hardcopy" ikrar manifes masih perlu di hantar ke pejabat kastam selepas tujuh (7) hari pengikraran secara elektronik</li> <li>Sijil Keluaran (Out Turn) masih perlu dikemukakan secara manual di pejabat Kastam dalam tempoh dua (2) bulan setelah ketibaan kapal</li> </ul>
	Tindakan tidak mematuhi ketetapan perlaksanaan e-manifest	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua pihak terlibat masih tertakluk dibawah Seksyen 52, 53, 54, 55, 57 dan 58 Akta Kastam 1967</li> <li>Pihak yang gagal mengikraran manifes secara elektronik tidak akan dibenarkan memuatkan barang</li> </ul>

5. Kerjasama dari pihak tuan/puan amatlah diharapkan agar pelaksanaan sistem e-manifest berjalan dengan lancar sepertimana yang dijadualkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Tn. Adnan B. Rahmatullah (JKDM) di talian 07-251 1924/ 010-510-8793 dan Mohd Hafiz B. Hj. Sabri (Dagang Net – Johor) di talian 07- 226 6400/ 019-735 7789.

Sekian terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

b.p. 

( **CHE ANI BIN HUSSIN** )  
Penolong Kanan Pengarah Kastam I  
Ketua Kastam Pasir Gudang  
Zon Bebas Pelabuhan Johor  
Pasir Gudang, Johor.